

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN HASSAN BIN ABDUL KARIM
[PASIR GUDANG]

SOALAN NO. 172

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Persekutuan untuk menjadikan Malaysia satu destinasi kepada pelabur-pelabur luar negara untuk melabur dalam sektor industri halal.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Dalam konteks membangunkan industri halal negara, bidang pelaburan (baik pelaburan asing mahupun domestik) merupakan antara fokus utama pihak Kerajaan. Seperti yang digariskan melalui pelaksanaan Pelan Induk Industri Halal (HIMP), pihak Kerajaan melalui agensinya Halal Industry Development Corporation (HDC) telah melaksanakan beberapa langkah penggalakkan aktiviti pelaburan dalam industri halal. Antara langkah-langkah tersebut adalah:

- a) Mewujudkan Pusat Rujukan Industri Halal yang menyediakan perkhidmatan perkongsian maklumat industri dan sektoral bagi membantu para pelabur dari dalam dan luar negara. Ia merangkumi khidmat nasihat dan bimbingan berkaitan termasuk konsep pematuhan halal di Malaysia (*ease of doing business and cost of doing business*);
- b) Aktiviti penjenamaan di peringkat antarabangsa melalui misi perdagangan dan pelaburan negara anjuran usahasama pihak

Kementerian (MEA dan MITI) dalam mempromosikan Malaysia sebagai sebuah destinasi pelaburan yang utama di rantau Asia Tenggara serta model negara Islam dalam pembangunan industri halal global;

- c) Memperbanyakkan kerjasama antarabangsa bagi memantapkan jalinan ekosistem sedia ada ke arah peningkatan pertumbuhan sosioekonomi dua-hala terutamanya bagi bidang-bidang berkaitan perdagangan dan pelaburan, pembangunan modal insan, perkongsian maklumat dan kepakaran, serta inovasi berteknologi tinggi;
- d) Menawarkan insentif khas berbentuk pengecualian cukai pada kadar 100% bagi tempoh sehingga 10 tahun kepada para pelabur dalam Taman Industri Halal yang berstatus HALMAS. (pemberian status HALMAS atau pun Halal Malaysia merupakan inisiatif berbentuk usahasama di antara pihak HDC dan Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia);
- e) Merencanakan penglibatan dan perbincangan berhubung agenda industri halal yang komprehensif melalui Persidangan Antara Pemimpin Dunia, Sesi Mesyuarat dan Rundingan Dua Hala, *Roadshow* Kementerian, Sesi Dialog Bersama Pemain Industri serta lain-lain platform antarabangsa yang berkaitan dalam meningkatkan keyakinan pelabur.

7. Namun begitu, bagi menggalakkan peningkatan terhadap aktiviti pelaburan, sokongan infrastruktur luaran, kemudahan logistik, kadar permintaan tenaga kerja mahir, program khidmat nasihat dan bimbingan serta program-program promosi pelaburan yang menyeluruh turut diberikan perhatian oleh Kerajaan dalam industri ini.

Sekian, terima kasih.